

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR**  
**KAWASAN : BATU GAJAH**  
**TARIKH : 17.6.2014 (SELASA)**  
**NO. SOALAN : 91**

**Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada syarikat-syarikat milik kaum India terlibat dalam industri automotif sebagai pembekal komponen kepada PROTON, PERODUA dan MODENAS. Apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan kaum India mencebur industri automotif ini.

## **Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Kewujudan projek kenderaan nasional telah membolehkan pertumbuhan lebih banyak syarikat pembekal komponen tempatan. Syarikat-syarikat tempatan, tidak tertakluk pada mana-mana kaum, memiliki peluang yang sama rata untuk terlibat dalam pembangunan kenderaan nasional dan juga bukan nasional.

Walaupun tidak banyak syarikat milik kaum India yang menjadi pembekal komponen kepada projek nasional, namun terdapat beberapa syarikat milik kaum India yang membekalkan perkhidmatan servis kejuruteraan, logistik, pembangunan dan pengeluaran alat ganti serta menjadi wakil jualan kenderaan.

Justeru, Kerajaan sentiasa mengalu-alukan penglibatan lebih giat syarikat-syarikat milik rakyat tempatan di dalam rantaian nilai projek nasional, khususnya dalam aktiviti bernilai tambah tinggi untuk merancakkan lagi pembangunan industri automotif negara, selaras dengan Pelan Hala Tuju Pembangunan Rantaian Nilai di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014.